جابتن كحاكيمن شرعية فهڠ
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : http://jksp.pahang.gov.my/
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

***#MajuTerusPahang #Pahang1st***

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 ( 101 )
Tarikh : 29 April 2024

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG**
**BIL. 12 TAHUN 2024**

**PERMOHONAN PENYAMPAIAN LUAR BIDANG KUASA DAN PEMFAILAN AFIDAVIT PENYAMPAIAN BAGI DEFENDAN/RESPONDEN BERBILANG**

Saya ingin menarik perhatian YA Dato'/ YA Tuan/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil. 1 Tahun 2024 pada 17hb hingga 19hb April 2024 bersamaan 8 Syawal 1445H hingga 10 Syawal 1445H di Xcape Resort, Taman Negara, Jerantut, Pahang yang bersetuju dan mengesahkan berhubung Permohonan Penyampaian Luar Bidang Kuasa Dan Pemfailan Afidavit Penyampaian Bagi Defendan/Responden Berbilang seperti berikut:

i. tuntutan atau permohonan yang melibatkan dua orang atau lebih Defendan/Responden hendaklah difailkan secara berasingan bagi setiap Defendan/Responden.
ii. pemfailan afidavit penyampaian yang melibatkan dua orang atau lebih Defendan/Responden juga hendaklah difailkan secara berasingan bagi setiap Defendan/Responden.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 2 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"Syariah Asas Keadilan"**

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN,** *DIMP., DSPN, SAP, PJK.*)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.



QUALITY SYSTEM SIRIM
IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404